



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	6/1/2020	MUKA SURAT	:	36
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# TNB menang anugerah antarabangsa ARC

Utusan - Ekonomi 6/1/2021 M/s 36

Oleh **KU SYAFIQ KU FOZI**  
 kusyafiq.fozi@mediamulla.com.my


**KUALALUMPUR:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) memenangi tiga anugerah dalam Anugerah Antarabangsa Pertandingan Laporan Tahunan (ARC) ke-34.

TNB melalui Laporan Tahunan Bersepadu 2019 yang bertekanan *Building Relationships, Creating Value* memenangi dua emas dan satu perak dalam anugerah anjuran MerComm Inc. yang berpangkalan di New York.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, laporan yang dihasilkan pasukan penerbitan TNB itu sangat bermutu walaupun gerak kerja sedikit-sebanyak terganggu akibat pandemik Covid-19.

"Anugerah yang diterima adalah bukti bahawa walaupun berdepan dengan waktu yang mencabar, dedikasi, kerja keras dan yang paling utama iaitu semangat kerjasma mereka membuahkan hasil yang cemerlang.

"Phak pengurusan TNB berbangga dengan semangat kerjasma, satu daripada enam nilai teras yang diterapkan untuk mengukuhkan ikatan antara 35,000 warga kerja TNB ke arah matlamat yang sama, iaitu menjadikan TNB sebagai peneraju tenaga boleh baharu di ASEAN."



**LAPORAN Tahunan Bersepadu 2019 Tenaga Nasional Berhad berjaya memenangi dua anugerah emas dan satu perak dalam majlis anjuran MerComm Inc. di New York, Amerika Syarikat, baru-baru ini.**

katanya dalam kenyataan di sini semalam.

TNB merangkul anugerah emas bagi kategori *Non Traditional Annual Report: Electric Power Company* dan *Interior Design: Electric Power Company* manakala anugerah perak untuk kategori *Cover Photo/Design: Electric Power Company* dalam ARC.

Selain itu, TNB turut memenangi anugerah emas dalam Anugerah Korporat Tahunan Kebangsaan (Nacra) 2020 yang dianjurkan secara bersama oleh Bursa Malaysia Berhad, Institut Akaun Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Dalam Nacra, TNB bersama enam syarikat lain yang terse-

narai dalam Bursa Malaysia turut meraih anugerah bagi kategori syarikat dengan lebih RM10 bilion modal pasaran.

Sementara itu, syarikat utiliti itu turut memenangi Anugerah Kelas Aset Asean dalam Anugerah Kad Skor Pentadbiran Korporat Asean 2019, bersama 36 syarikat tersenarai awam Malaysia yang lain.